



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 11 OKTOBER 2024 (JUMAAT)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• LARIAN, KAYUHAN SANTAI ANTARA PROGRAM MENARIK HARI TANPA KENDERAAN MBSJ • SEDIA KELENGKAPAN SELAMAT MANGSA BENCANA PETAKAN LOKASI RISIKO BAH
2.	KOSMO ONLINE	• TIDUR DI JEJANTAS LETAK TILAM SANGKUT BAJU MACAM RUMAH

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	DBKL	• FLOOD FEAR LOOMS OVER NEGLECTED RETENTION POND • RECURRING SINKHOLE CAUSING CONCERN IN GASING INDAH

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• ABBAS AZMI SERI SERDANG MERASMI BENGKEL OPERASI BANTUAN KECEMASAN DAN BENCANA DI SUBANG JAYA • KARNIVAL KERJAYA TAWAR 1,000 JAWATAN • TINGKAT KEFAHAMAN AGENSI URUS BENCANA • LATIHAN PERSEDIAAN HADAPI BANJIR • TAMBAH BAIK SISTEM SIREN BANJIR • TANGANI MASALAH BAH DI SUNGAI BULOH • LATIHAN BOLA SEPAK DAPAT SAMBUTAN RM40,000 PASANG JARING PENGHADANG • AGIH RM50,000 BUAT 1,000 MANGSA BANJIR • SUKARELAWAN TAMPIL BERSIH KEDIAMAN • METMALAYSIA: HUJAN LEBAT HINGGA MAC • HARAP PROJEK PENTING DITERUSKAN • RANCAKKAN INOVASI DALAM PERKHIDMATAN • AGIH RM200,000 GERAN TEROKA INOVASI • 4,838 NOTIS AMARAN KESALAHAN MEROKOK
2.	THE STAR	• FLOOD WARNINGS ON YOUR PHONE SOON • S'GOR FLOOD SOLUTIONS IN THE PIPELINE
3.	SINAR HARIAN	• DAKWAAN AKTA 852 BERI TEKANAN TIDAK MUNASABAH • 6,000 KEMATIAN NAHAS JALAN RAYA DIREKODKAN SETIAP TAHUN • MASALAH KESIHATAN MENTAL PERLU PEMULIHAN SEIMBANG • DEDAHKAN MASYARAKAT TENTANG MASALAH KESIHATAN MENTAL MENERUSI AL-QURAN, SUNNAH
4.	KOSMO	• SEMBILAN PROJEK SAKIT TEBATAN BANJIR DI SELANGOR • DASAR PINJAMAN PERUMAHAN DITELITI
5.	HARIAN METRO	• SISTEM AMARAN BANJIR AKAN DITAMBAH BAIK • BELANJAWAN 2025 DIJANGKA MESRA PENGGUNA • PELAKSANAAN AKTA 852 'PASANG PENUTUP KABINET PAMERAN TAK MAHAL'
6.	BERITA HARIAN	• RUMAH MAMPU MILIK SELANGOR DIKECUALI CAJ PEMAJUAN • STRATEGI BASMI KEMISKINAN PERLU AMBIL KIRA TEKANAN HIDUP M40 • SUASANA KONDUSIF, HARMONI ELAK PEKERJA ALAMI TEKANAN MENTAL



BIL	AKHBAR	TAJUK
		• PERBETUL FAHAMAN SERONG NARATIF MARTABATKAN BAHASA MELAYU
7.	UTUSAN MALAYSIA	• SELANGOR KENAL PASTI SEMBILAN PROJEK SAKIT TEBATAN BANJIR • MALAYSIA MAMPU JADI PENERAJU TINDAKAN IKLIM KE ARAH KARBON SIFAR BERSIH • BANTUAN TUNAI, PERSEKOLAHAN BANTU RINGANKAN BEBAN RAKYAT
8.	NEW STRAITS TIMES	• GREAT BUILDINGS, POOR MAINTENANCE

PBT SELANGOR

Larian, kayuhan santai antara program menarik hari tanpa kenderaan MBSJ



Foto Facebook Majlis Bandaraya Subang Jaya

SHAH ALAM, 10 OKT: Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menganjurkan program hari tanpa kenderaan pada 20 Oktober ini sempena ulang tahun keempat diiktiraf bandar raya.

Pihak berkuasa tempatan itu menerusi Facebook memaklumkan program dari jam 7 hingga 11 pagi itu diadakan di Pasaraya Giant Bandar Kinrara, Puchong.

"Ayuh bersama-sama meraikan ulang tahun keempat bandar raya Subang Jaya sekali gus menyokong usaha ke arah bandar rendah karbon," katanya menerusi Facebook.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk seisi keluarga antaranya senamrobik, larian santai 5 kilometer (km), kayuhan santai 24 km, fiesta sarapan pagi, Eco Free Market dan eksplorasi kenali musnah denggi.

Antara aktiviti lain turut disediakan adalah Eksplorasi Bandar Rendah Karbon, pertandingan street soccer, demonstrasi polis dan bomba, kaunter mesra rakyat, pameran cegah jenayah, kitar semula dan cabutan bertuah.

Untuk mereka yang berminat sertai larian santai boleh daftar menerusi pautan https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSebC7MDitA3R0nVdg_tw1xHvXC6ERbelhRjNAISzQX4tFw/viewform.

Manakala, kayuhan santai pula pendaftaran menerusi pautan ini https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSe9NeGK5y6AiWtz7LZWgwX_2Fhb9n4Szh6DGDat1zF9PKITMO/viewform.

SELANGORKINI ONLINE
TARIKH : 11 OKTOBER 2024

Tidur di jejantas, letak tilam sangkut baju macam rumah

Oleh KOSMO! 10 Oktober 2024, 3:40 pm



SUBANG – Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengambil tindakan dengan menyita barangan warga asing yang menjadikan jejantas sebagai tempat tidur.

MBSJ dalam hantaran di Facebook berkata, tindakan itu diambil susulan aduan yang diterima daripada orang awam.

Menerusi foto yang dimuat naik, kelihatan ruang atas jejantas itu dipenuhi dengan tilam serta pakaian yang disangkut pada penghadang.

"Kita telah menyita semua barangan dan menjalankan pembersihan di lokasi," katanya hari ini.

Sebarang aduan kepada MBSJ boleh disalurkan melalui laman web <https://www.mbsj.gov.my/ms/saluran-aduan> atau hubungi Jabatan Penguatkuasaan melalui WhatsApp di talian 019-220 7823. – KOSMO! ONLINE

KOSMO ONLINE

TARIKH : 11 OKTOBER 2024

Petakan lokasi risiko bah

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SUBANG JAYA - Pelan mencakupi peta kawasan banjir dan tanah runtuh dibangunkan bagi memudahkan misi bantuan jika berlaku bencana, menurut timbalan datuk bandar Subang Jaya.

Sebanyak 25 lokasi berisiko bah dan sembilan kawasan tanah runtuh dipetakan dalam Sistem Informasi Geografik meliputi Seri Serdang, Seri Kembangan, Kinrara, Batu Tiga dan Kota Kemuning.

Mohd Zulkurnain Che Ali juga memberitahu pelan berkenaan turut dilengkapi maklumat lokasi penempatan kenderaan, pusat pemindahan sementara (PPS) penduduk dan maklumat berkaitan.

"Direktori agensi berkaitan, kawasan keluar masuk kenderaan, tempat berkumpul agensi keselamatan dan pasukan penyelamat serta lokasi aset penyelamat," katanya pada 2 Oktober.

Beliau menambah pelan yang dibangunkan sejak 5 Oktober 2022 dikemas kini dari semasa ke semasa sebagai panduan Majlis Bandaraya

Subang Jaya dan agensi berkaitan terutama dalam berdepan Monsun Timur Laut.

Katanya, sebanyak 60 PPS dikenal pasti melibatkan sekolah, masjid dan dewan serba guna sekitar Subang Jaya selain 25 aset kenderaan termasuk bot penyelamat dan bas disediakan.

"Kita turut melaksanakan kempen kesedaran bahaya bencana terhadap komuniti terkesan di kawasan berisiko bencana," katanya lagi.

Sebarang aduan kecemasan atau keperluan bantuan segera, hubungi Pusat Panggilan MBSJ / Pasukan PANTAS menerusi talian 03-8024 7700.

Sementara itu, seramai 120 peserta menyertai Bengkel Pelan Strategik Operasi Bantuan Kecemasan dan Bencana MBSJ 2.0 – Memperkasa Persiapan Hadapi Monsun Timur Laut 2024.

Mohd Zulkurnain berkata program dua hari melibatkan beberapa agensi penyelamat bertujuan mengemas kini pelan mengurus mangsa bencana yang akan menjadi rujukan ketika operasi bagi hadapi perubahan monsun.



SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 11 OKTOBER 2024

ABBAS AZMI Seri Serdang

merasmi bengkel operasi
bantuan kecemasan dan
bencana di Subang Jaya



SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 11 OKTOBER 2024

Karnival kerjaya tawar 1,000 jawatan

SHAH ALAM - Lebih 1,000 kekosongan jawatan ditawarkan sempena Karnival Jelajah Jobcare 2024 peringkat daerah Kuala Selangor pada 19 Oktober.

EXCO Sumber Manusia V Papparaldu memaklumkan program di Dewan Majlis Perbandaran Kuala Selangor, Puncak Alam, bermula 9 pagi hingga 4 petang.

"Terbuka kepada semua pencari kerja. Calon perlu membawa resume dan dokumen sokongan yang berkaitan semasa hari temuduga nanti," katanya dalam kenyataan.

Calon yang berminat boleh mengisi borang pendaftaran di pautan bit.ly/JOB-CAREKUALASELANGOR bagi pengesahan kehadiran.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 11 OKTOBER 2024

Tingkat kefahaman agensi urus bencana



GIGIH...

Prosedur menyelamatkan mangsa yang dipersembahkan dalam majlis penutup Program Latihan Simulasi Bencana Tanah Runtuh Bagi Keslaksanaan Agensi Respon peringkat negeri 2024 di Puchong, Subang Jaya pada 7 Oktober.

Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

SEPANG - Seramai 120 peserta dari tujuh agensi menjalani Latihan Simulasi Bencana Tanah Runtuh Negeri Selangor selama dua hari di Markas Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) di sini.

EXCO Pengurusan Bencana Najwan Halimi memberitahu semua peserta didedah kepada kelas teori dan praktikal bagi memperkukuh pemahaman dalam mengurus sesuatu bencana.

Beliau memaklumkan mereka diajar teknik menyelamatkan dan mengurus kecemasan ketika tanah runtuh melalui bimbingan jurulatih berpengalaman daripada SMART.

"Program ini sebagai langkah ke-siap-siagaan semua agensi menghadapi musim Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula pada November 2024 hingga Mac 2025.

"Jabatan Meteorologi Malaysia meramal empat hingga enam episod luruan monsun yang berisiko mengakibatkan hujan lebat yang berterusan hingga Mac 2025," katanya.

Najwan menambah latihan meningkatkan koordinasi semua agensi dan sukarelawan bagi memastikan tindak balas yang pantas dan berkesan ketika bencana.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 11 OKTOBER 2024

Latihan persediaan hadapi banjir

KUALA LUMPUR - Latihan amal dan simulasi bencana membabitkan pelbagai agensi diadakan sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut, dijangka bermula November ini.

EXCO Pengurusan Bencana Najwan Halimi berkata latihan tahunan di Pulau Meranti, Puchong bagi memastikan pengurusan komunikasi lebih tersusun dan efektif ketika berdepan bencana.

"Kita sudah melaksanakan mesyuarat penyelarasan bencana negeri melibatkan semua agensi terlibat termasuk pihak berkuasa untuk kemas kini dan persiapan.

"Kita ada simulasi latihan bencana di Pulau Meranti bersama semua agensi. Di situ kita akan uji semua aset yang dimiliki untuk pastikan ia dapat digunakan dengan baik," katanya pada 3 Oktober.

Najwan memaklumkan lebih 1,000 pusat pemindahan sementara seluruh negeri bersedia jika berlaku bencana.

Menurutnya, semua agensi khususnya pejabat daerah dan tanah menjalin kerjasama baik dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri bagi memastikan semua urusan lancar.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 11 OKTOBER 2024

Tambah baik sistem siren banjir

SHAH ALAM - Penambahbaikan siren amaran banjir antara langkah bagi mendepani Monsun Timur Laut yang dijangka bermula November hingga Mac tahun depan.

Menurut ketua setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, pengalaman berdepan banjir besar pada 2021 menuntut tindakan segera

termasuk meningkatkan keupayaan sistem berkenaan.

Datuk Dr Ching Thoo Kim memberitahu langkah sedemikian diyakini mampu mengelakkan lebih banyak kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa, lapor Bernama.

Beliau menjelaskan Jabatan Pengairan dan Saliran meningkatkan

bunyi siren yang turut berbeza dengan polis dan bomba disertai arahan supaya ramai berpindah ke tempat lebih selamat.

"Di Taman Sri Muda, Shah Alam dulu, siren tidak cukup nyaring dan orang tak dengar. Ada yang anggap ia siren bomba dan polis, menyebabkan tiada tindakan segera diambil," katanya.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 11 OKTOBER 2024

Tangani masalah bah di Sungai Buloh

SHAH ALAM - Peruntukan RM481 juta bagi Projek Tebatan Banjir Sungai Damansara diluluskan bagi mengurangkan risiko banjir di sekitar Parlimen Sungai Buloh.

Wakil rakyatnya Datuk Seri R Ramananan memberitahu projek berkenaan pada peringkat permulaan dengan surat tawaran telah diserahkan kepada kontraktor, lapor Bernama.

"Walaupun belum bermula, aktiviti

di Sungai Subang dimulakan dengan dana RM16 juta.

Tidak pernah ada perdana menteri yang meluluskan projek sebesar ini untuk Sungai Buloh," katanya pada 5 Oktober.

Beliau berkata satu lagi usaha mengurangkan risiko banjir iaitu Projek Tebatan Banjir Sungai Buloh Fasa Dua dengan



anggaran kos hampir RM780 juta yang masih pada peringkat cadangan.

Ramananan juga menjelaskan kerajaan giat berusaha mengurangkan risiko banjir di seluruh negara termasuk di Parlimen Sungai Buloh secara berperingkat.

Latihan bola sepak dapat sambutan

RM40,000 pasang jaring penghadang

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Peruntukan RM40,000 disediakan bagi menaik taraf kemudahan padang bola sepak Bandar Kinrara 2 di Puchong, kata wakil rakyat Kinrara Ng Sze Han.

Beliau memberitahu pemasangan jaring penghalang dan sempadan akan dibuat dalam masa terdekat bagi mengelak bola terkeluar ke jalan raya berhampiran.

"Padang ini digunakan penduduk untuk riadah dan klinik bola sepak

Kinrara juga diadakan di sini, jadi ada keperluan untuk padang dinaik taraf.

"Projek itu akan kita mulakan dalam masa terdekat bagi memberi lebih keselesaan kepada mereka yang menggunakan kemudahan ini untuk beriadah," katanya pada 6 Oktober.

Mengulas klinik bola sepak Kinrara, Sze Han berkata program latihan bagi mencungkil bakat baharu itu turut



mendapat kerjasama Team Selangor dan Persatuan Bola Sepak Selangor.

Beliau juga bercadang untuk meneruskan program berkenaan pada tahun depan berikutan acara yang masuk tahun kedua membabitkan 20 peserta kini disertai 50 peserta pada hujung minggu.

Sementara itu, Sze Han turut menyertai riadah bola sepak yang dimenangi Team Selangor Kinrara 7-6 mengatasi Komuniti Madani Kinrara.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 11 OKTOBER 2024

Agih RM50,000 buat 1,000 mangsa banjir

SHAH ALAM - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memperuntuk RM50,000 bagi membantu kira-kira 1,000 mangsa banjir di lapan pusat pemindahan sementara (PPS).

Ketuanya Ahmad Azri Zainal Nor memberitahu bantuan itu antaranya makanan kering, tuala wanita, lampin pakai buang, air mineral dan pemanas air untuk penghuni PPS yang dibuka sejak 3 Oktober.

"Kali ini ada tambahan pemanas air kerana mangsa memerlukan peralatan itu. MBI cuba membantu dengan menghantar keperluan untuk keselesaan sepanjang di PPS," katanya pada 4 Oktober.

Beliau menjelaskan pihaknya juga bekerjasama dengan pusat khidmat masyarakat Dewan Undangan Negeri terlibat dan ketua kampung untuk serahan bantuan wang ihsan kepada semua mangsa.

Sukarelawan tampil bersih kediaman

SHAH ALAM - Pasukan Sukarelawan Selangor (Serve) akan digerakkan ke operasi pascabanjir bagi membantu kerja pembersihan dan pemunggahan barang rosak milik mangsa banjir.

Dato' Menteri Besar memberitahu Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) juga menyerahkan bantuan asas kecemasan antaranya barang keperluan harian bagi meringankan beban mangsa.

"Insya-Allah Kerajaan Negeri akan sentiasa memelihara kebajikan mangsa bencana dari masa ke semasa," kata Dato' Seri Amirudin Shari di Facebook.

Pada 5 Oktober, beliau mengunjungi lebih 600 mangsa banjir di pusat pemindahan sementara Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Badong, Bestari Jaya dan SK Desa Aman Coalfield.

MetMalaysia: Hujan lebat hingga Mac

SHAH ALAM - Hujan lebat dijangka mulai November hingga Mac tahun depan berikutan Monsun Timur Laut, kata timbalan ketua pengarah (strategik) Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

Ambun Dindang memberitahu hujan lebat mulai November hingga Disember di-ramal di Kelantan, Terengganu dan Pahang manakala Johor, Sabah dan Sarawak antara Disember hingga Januari.

"Hujan berterusan juga mungkin berlaku di negeri pantai barat sekiranya terdapat luruan monsun yang kuat atau kewujudan sistem tekanan rendah," katanya seperti dilaporkan Bernama.

Beliau menjelaskan kebanyakan tempat dijangka mengalami taburan hujan bulanan pada paras purata kecuali beberapa kawasan di utara dan timur semenanjung serta timur Sabah.

Harap projek penting diteruskan

SHAH ALAM - Selangor berharap kerajaan persekutuan menyediakan insentif menarik dalam Belanjawan 2025 yang dibentang 18 Oktober bagi meneruskan beberapa projek penting pembangunan negeri.

Dato' Menteri Besar berkata perkara yang disenarai antaranya pembangunan sektor semikonduktor dan penyambungan projek tebatan banjir Hulu Langat ke Sepang.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, Selangor turut berhasrat melaksana peremajaan semula Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang selain naik taraf beberapa jalan persekutuan.

"Kita mempunyai langkah yang agresif dalam bidang semikonduktor, sebagai contoh. Jadi kita harap ada insentif besar dan Selangor turut senarai beberapa projek penting seperti projek tebatan banjir.

"Begitu juga beberapa projek seperti peremajaan semula lapangan terbang Subang. Ia akan bantu kita bangun negeri dan dana untuk naik taraf jalan persekutuan seperti di Pelabuhan Klang dan Meru yang menjadi runtuhan," katanya katanya pada 5 Oktober.

Belanjawan 2025 mengetengahkan tema Ekonomi Madani, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera yang akan dipacu oleh pendekatan Ekonomi Madani.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 11 OKTOBER 2024

Rancarkan inovasi dalam perkhidmatan

SHAH ALAM - Usaha merancarkan inovasi dalam sektor perkhidmatan awam antara tumpuan menjelang tahun hadapan seiring keperluan dan perkembangan teknologi semasa.

EXCO pembudayaan inovasi berkata Inisiatif pada peringkat pejabat pentadbiran negeri, anak syarikat, agensi dan pihak berkuasa tempatan bertujuan memberi perkhidmatan kepada rakyat.

"Kita fokus kepada inovasi yang dapat menyelesaikan masalah rakyat. Dalam masa sama, kita kembangkan inovasi sedia ada kepada penggunaan kecerdasan buatan (AI).

"Contohnya catatan minit mesyuarat. Kita akan guna teknologi ucapan kepada teks, jadi boleh singkatkan masa. Keputusan dibuat juga tidak ambil masa lama," kata Dr Mohammad Fahmi Ngah.

Ditemui di Festival Inovasi Selangor (FIS) pada 7 Oktober, beliau berharap peruntukan lebih besar dalam Belanjawan Selangor 2025 berbanding RM900,000 bagi memacu perkembangan inovasi.

FIS yang Julung kali diadakan melibatkan semua kakitangan awam negeri bertujuan mendedahkan pekerja dengan latihan dan kursus berkenaan teknologi terkini.

Program di Dewan Jubli Perak di pusat pentadbiran negeri di sini turut menyediakan geran sebagai langkah menggalakkan peserta meneroka lebih jauh bidang inovasi.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 11 OKTOBER 2024

Agih RM200,000 geran teroka inovasi

SHAH ALAM - Lebih RM200,000 geran disediakan negeri bagi mempergiat penerokaan Inovasi dalam kalangan pelajar serta penjawat awam, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata dana itu merangkumi agihan Geran Teknologi & Inovasi Digital Selangor bernilai RM120,000, Geran Pengkomer-

slan dan Harta Intelek (RM50,000) dan lain-lain geran (RM40,000).

"Menerusi Inisiatif ini pemikiran kreatif dan kreativiti dapat diketengahkan sekali gus mampu menghasilkan pelbagai Inovasi yang memberi manfaat kepada rakyat.

"Pemberian geran membantu pentadbiran menyelesaikan masalah melalui

Inovasi teknologi digital seterusnya menjamin kehidupan berkualiti serta kesejahteraan tambahan dalam kehidupan harian," katanya pada 8 Oktober.

Jelasnya, pembudayaan inovasi yang dilakukan tidak harus terhenti selepas berjaya menghasilkan produk sebaliknya ditambah baik ke fasa pengkomersialan dan harta intelek.

4,838 notis amaran kesalahan merokok

KUALA SELANGOR - Sebanyak 8,762 aduan kesalahan merokok di premis makanan diterima antara Januari hingga Ogos, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Memberitahu Selangor negeri tertinggi terima notis iaitu 4,838, diikuti Sarawak, Johor, dan Pulau Pinang, beliau berkata pemilik premis hanya diberi notis amaran terlebih dahulu.

"Kita mahu ada penguatkuasaan pendidikan, amaran, kecelikan dan penjelasan dahulu. Mulai 1 April, kita kuat kuasa dengan tegas," katanya pada sidang media pada 6 Oktober.

Beliau ditemui dalam program premis Bersih Bebas Asap peringkat negeri. Sebanyak 44 premis sekitar Puncak Alam di sini diperiksa. Sembilan daripadanya diiktiraf Bersih dan Selamat.



Residents say Tasik Intan Baiduri has become shallower because of sediment. — Courtesy photo

By LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

A NEGLECTED shallow lake that also functions as a retention pond in Kepong, Kuala Lumpur, has residents concerned about possible floods.

Community activist Yee Poh Ping (*pic*) said Tasik Intan Baiduri had become shallower because of sediment such as mud and sand, as well as rubbish.

He said those living in the vicinity of Taman Tasik Intan Baiduri were worried in view of the coming monsoon season.

"People can now walk directly into the lake.

"It is so shallow that it has lost its flood mitigation function.

"The monsoon is expected to hit in November or December.

"Residents are worried that the reduced capacity will increase the risk of floods," he said.

Yee urged Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to deal with the issue

Flood fear looms over neglected retention pond

DBKL urged to upgrade recreational park at Tasik Intan Baiduri

immediately, considering the large number of residents who would be affected in a flood.

"There are more than 2,000 units in the Intan Baiduri People's Housing Project located adjacent to the lake.

"Thousands of apartment units and landed properties are also nearby.

"With that in mind, DBKL must immediately remove the sediment and deepen the lake to increase its capacity and reduce

the risk of floods," he said.

Yee also said that the recreational park surrounding the lake lacked facilities.

"The park is not equipped with amenities such as playgrounds, toilets and outdoor gym.

"It also does not have proper fencing and lights nor a guard house. This could jeopardise visitors' safety.

"Additionally, the park's drains do not have covers, which poses a safety risk, especially to chil-

dren," said Yee.

He said there were no signboards about the park along Jalan Lingkaran Tengah 2, the main road outside the area.

Motorists passing by were unaware of the park's existence, he pointed out.

Yee said DBKL should upgrade the park's facilities and make the place more attractive.

At at press time, DBKL has not responded to queries regarding the matter.



THE STAR

11 OCT 2024

Tarikh:.....

Recurring sinkhole causing concern in Gasing Indah

Story and photos by GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

A RECURRING hole in Jalan 6/132, which keeps getting bigger, is causing anxiety among Gasing Indah residents.

The road, under the jurisdiction of Kuala Lumpur City Hall (DBKL), is used by more than 100 vehicles daily.

Maxwell Tower residents Maria Vivienne Pereira, 56, and Ruth Netto, 64, said a neighbour spotted the cavity in August.

The matter was reported to DBKL.

"It was patched within the same month but the hole reappeared," said Pereira.

Those living nearby have been warned to be extra careful when driving along the road, she said.

"Residents have also informed Alam Flora to use a different route during their daily garbage collection runs, as their heavily loaded trucks may cause further damage."

"Due to safety fears, some Maxwell Tower folk have taken to driving against traffic on another route but risk head-on collisions," said Netto.

The hole on the only access road out of the area has been making Quwais Zakaria, 18, uneasy every time he has to make a delivery.

"I worry the whole road may cave in while our delivery motor-cycles and vans are on it," said



The sinkhole has narrowed the only access road leading out from the residential area.

Quwais who works at a courier company nearby.

He said the road repair crew had simply patched up the hole with cement and later, tar.

Ray Loke, who co-owns a car workshop in the area, has the same concerns.

He expressed disappointment over the shoddy repair work.

He claimed the problem had persisted for close to a year now.

"Should the road cave in while a vehicle is passing by, it can cause serious injuries."

"Something should be done quickly before an accident happens," said Loke, 38.

When contacted, DBKL said a contractor had been appointed on Oct 7 to investigate the cause of the sinkhole.

Excavation work began on Oct 9 and is expected to be com-

pleted on Oct 16.

The scope of work includes excavating the affected area, identifying and repairing the source of the sinkhole, followed by backfill and repaving of the road surface.

DBKL has asked for the cooperation of road users in the area to be careful and obey safety instructions during this period.

Separately, Indah Water Konsortium (IWK) in a press statement to *StarMetro* said it had dispatched a team with camera equipment to inspect the condition of the underground sewerage pipe in the area.

The pipe was found to be in good condition and no collapse was recorded nearby, the utility company stated.

IWK has also shared their findings with DBKL.



(From left) Pereira, Quwais and Netto at the sinkhole on Jalan 6/132 in Gasing Indah, Kuala Lumpur.

THE STAR

11 OCT 2024

Tarikh:.....

Flood warnings on your phone soon

11/10
Sh

PUTRAJAYA: When floods hit, it won't just be sirens that warn you as your handphone could soon be giving you an earlier alert.

With the northeast monsoon coming, smartphone warnings will complement the existing siren system, says Communications Minister Fahmi Fadzil.

Some countries, he said, have an emergency warning system that is not based on the short message service (SMS) but on a smartphone shortcut that notifies users of a disaster.

"I will discuss with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) about looking at what telecommunication companies can do to aid the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) and the National Disaster Management Agency (Nadma).

"This is to notify the people, especially in certain areas where, apart from flood sirens, warnings could be sent via phone notifications," he told the media after the ministry's monthly assembly here yesterday.

Also present were his deputy Teo Nie Ching, ministry secretary-general Datuk Mohamad Fauzi Md Isa, and MCMC managing director Datuk Mohd Ali Hanafiah

Mohd Yunus.

Fahmi also urged agencies under the ministry to enhance their preparedness for the monsoon season.

"We should be prepared with equipment in the event of a flood, (and) be quick to mobilise help," he said.

The country is expected to experience the northeast monsoon phenomenon in the fourth week of this month, compared with the initial forecast of early November.

It is expected to bring heavy rain and the risk of floods.

Meanwhile, the minister has also requested that the Malaysian Nasional News Agency (Bernama), the Broadcasting Department (RTM), the Information Department (JaPEN) and the Community Communications Department (J-Kom) assist in helping the public understand the essence of Budget 2025.

"In the recent Cabinet strategic communications committee meeting, we discussed strategies to help the public grasp the essence of the message and announcements that the Prime Minister will present next Friday," he said.

Datuk Seri Anwar Ibrahim will table Budget 2025 on Oct 18.

THE STAR

Tarikh: 11 OCT 2024

S'gor flood solutions in the pipeline



RM480m efforts under way, scrutiny for sick projects

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

SHAH ALAM: Five major flood mitigation projects worth RM2.52bil are set to take off in Selangor pending the completion of their design by contractors and approvals from the authorities.

State infrastructure and agriculture committee chairman Izham Hashim said these projects, funded by the Federal Government, are currently in the design stage, which could take between six and 12 months.

"The tenders were awarded via direct negotiations under the design and construct concept, which means the contractors are also responsible for the project designs."

"The designs will be submitted to the Irrigation and Drainage Department (IDD) for review and approval," he said.

Speaking during a press briefing at the state secretariat building, Izham said Selangor also requested IDD to beef up its workforce.

"We have yet to receive a response but we hope it can be expedited to ensure these projects are completed on time," he said.

Izham also said 41 flood mitigation projects funded by the state government are in progress.

"The tenders were awarded via direct negotiations under the design and construct concept, which means the contractors are also responsible for the project designs."

Izham Hashim

These projects, costing RM482mil, were awarded via open tenders, according to the exco member.

He, however, highlighted that nine of these projects are classified as "sick projects" and currently being monitored.

Izham said some of the sick projects were abandoned, while others had experienced delays and were too far behind schedule.

"We will give the contractors two weeks to resume work, otherwise their service will be terminated," he added.

Selangor, he said, had asked the Federal Government to terminate the service of a contractor in charge of the RM34mil Sungai Buloh flood retention pond (phase one) project.

"This federal project has been delayed for too long despite reminders to the contractor."

"We have also asked the Prime Minister's Department to blacklist the contractor from future projects," he added.

Izham also said a meeting was held involving IDD, local councils and land and district offices to discuss flood preparations ahead of the monsoon season expected to start next month.

"IDD has been told to ensure that retention ponds and pumps are properly maintained while local councils must ensure the drains are cleaned," he said.

The Malaysian Meteorological Department has forecast that the monsoon - expected to last until March - will bring about four to six episodes of heavy rainfall.

THE STAR

Tarikh: 11 OCT 2024

Dakwaan Akta 852 beri tekanan tidak munasabah

PUTRAJAYA - Dakwaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) memberi tekanan kepada peniaga kecil adalah tidak munasabah.

Malah kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, dakwaan peniaga kecil perlu membelanjakan sejumlah wang bagi menaik taraf kabinet pameran produk merokok juga dilihat tidak tepat.

"Sejujurnya ia menyentuh imaginasi saya kerana apa yang perlu dibuat hanya memasang penutup kabinet pameran seperti ditetapkan dalam Akta 852.

"Saya tak rasa untuk pasang penutup memakan kos sehingga RM6,000, mungkin sekitar beberapa ratus ringgit sahaja," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2024 di sini pada Khamis.

Sebelum ini, Persekutuan Persatuan-Persatuan Peniaga-Peniaga Barang-Barang Runcit Malaysia (FSGMAM) menggesa KKM menangguhkan pelaksanaan larangan pameran produk merokok di bawah Akta 852.

Dakwa Presidennya, Hong Chee Meng, larangan itu dilaksanakan tergesa-gesa tanpa sebarang perundingan dengan peruncit mengenai tempoh pematuhan.

SINAR HARIAN
Tarikh: 11 OCT 2024

84
11/10

6,000 kematian nahas jalan raya direkodkan setiap tahun

MELAKA - Sebanyak 6,000 kematian direkodkan akibat nahas jalan raya setiap tahun dengan purata setiap 80 minit terdapat satu nyawa dilaporkan terkorban.

Timbalan Menteri Pengangkutan Jalan, Hasbi Habibollah berkata, angka itu menggambarkan situasi membimbangkan dan berdasarkan data tersebut sebanyak 70 peratus kemalangan maut yang berlaku membabitkan penunggang motosikal.

Menurutnya, kerana itu kementerian itu meletakkan harapan tinggi kepada kepada 245 Institut Memandu (IM) di seluruh negara untuk melahirkan pemandu lebih berhemah bagi mengurangkan kadar kemalangan serta

mengawal jumlah kematian yang tinggi sepanjang tahun.

Malah katanya, berdasarkan statistik rasmi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sehingga kini, terdapat lebih 14 juta pemegang Lesen Memandu Malaysia (LMM) yang aktif di seluruh negara.

"Sepanjang tahun lalu terdapat 309,284 LMM Kelas B2 dan 335,827 Kelas D telah dikeluarkan kepada pemohon sekali gus menunjukkan lebih 600,000 calon diberikan latihan di IM setiap tahun.

"Data itu menunjukkan trend peningkatan berbanding tahun sebelum



HASBI

pandemik Covid-19 iaitu pada tahun 2019," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Tadbir Urus Institut Memandu Malaysia 2024 di sini pada Khamis. Hadir sama, Ketua Pengarah JPJ, Datuk Aedy Fadly Ramli.

Menurut Hasbi, pada masa sama, jumlah kenderaan baharu yang didaftarkan pada tahun lalu turut merekodkan tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak 799,000 buah kenderaan.

Katanya, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan, kecederaan dan kematian dalam tempoh masa singkat ter-

masuk meningkatkan keupayaan melahirkan bilangan pemandu yang mematuhi peraturan.

"Beberapa dasar baharu turut dilaksanakan dengan mendigitalkan industri IM sebagai contoh, inisiatif Sistem Latihan dan Pengujian Memandu Secara Elektronik atau e-Testing seperti diumumkan Menteri Pengangkutan pada Mac lalu.

"Pelaksanaan sistem itu membolehkan calon menjalani ujian tanpa pegawai JPJ di dalam kenderaan.

"Manakala prestasi calon diukur menggunakan alat pengesan dan kamera secara masa nyata sekali gus meningkatkan integriti proses pengujian pemandu," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh: 11 OCT 2024

Rawatan dengan faktor utama seperti spiritual, psikologi, sosial dan biologi

8/11/10

Masalah kesihatan mental perlu pemulihan seimbang

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI dan NURATIKAH ATHILYA HASSAN SHAH ALAM

Individu yang disahkan menghadapi masalah kesihatan mental perlu mendapatkan rawatan atau pemulihan seimbang dengan faktor utama seperti spiritual, psikologi, sosial dan biologi.

Konsultan Psikologi Organisasi, Dr Alizi Alias berkata, untuk memastikan kesembuhan yang lebih holistik dan menyeluruh kesemua aspek itu wajib dititikberatkan.

"Punca terjadinya masalah kesihatan mental ini ada empat iaitu psikologi (kognitif, emosi), sosial (pergaulan, pengalaman, tempat kerja, persekitaran dan

media sosial), biologi (genetik, hormon, kesakitan fizikal) dan spiritual (keimanan dan ibadah).

"Semua ini boleh jadi punca, kadang-kadang hanya dua atau tiga sahaja. Jadi, tidak adil jika kita kata orang yang ada masalah kesihatan mental ini kurang iman mungkin ada tetapi tak semestinya itu sahaja puncanya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel Forum Kesihatan Mental: Dosa, Takdir atau Ujian? yang berlangsung di sini pada Selasa.

Forum itu dikendalikan Amin Idris sebagai moderator, turut disertai dua panelis lain iaitu Ahli Jawatan Kuasa Multaqa Asatizah dan Du'at Malaysia (Murshid), Abdullah Bukhari Abdul Rahim

dan Pengerusi McCare, Areefah Ahmad.

Mengulas lanjut, Alizi berkata, individu yang mahu membantu pesakit masalah mental perlu mengetahui cara yang betul dan tidak boleh melakukan paksaan untuk berjumpa pakar atau doktor.

"Orang yang nak pujuk perlu tahu kaedah betul untuk mendekati pesakit mental. Ahli keluarga atau sahabat tak boleh paksa, kena bina kepercayaan dahulu seperti ajak makan dan luang masa bersama. Daripada situ dia akan mula mempercayai kita seterusnya meluahkan pe-

rasaan dan bertanya pendapat.

"Jadi, pada saat itulah kita boleh cadangkan kepada dia untuk mendapatkan rawatan dengan berjumpa pakar atau doktor. Jangan gunakan tohmahan negatif memaksa kerana bimbang dia semakin tertekan dan melarikan diri," kata beliau.



FOTO: ROSLI TALIB

Alizi (dua dari kiri) bersama (dari kiri) Qari My#QuranTime, Ahmad Tirmizi Ali; Amin; Abdullah Bukhari dan Areefah ketika Forum Masalah Kesihatan Mental: Takdir, Ujian atau Dosa? pada Khamis.

SINAR HARIAN
Tarikh: 11 OCT 2024...

'Dedahkan masyarakat tentang masalah kesihatan mental menerusi al-Quran, sunnah'



NORRAINI

84 11/10
SHAH ALAM - Forum Kesihatan Mental menjadi salah satu platform Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk mendedahkan masyarakat berkaitan masalah kesihatan mental menerusi al-Quran dan sunnah.

Pengarah Pembangunan Sosialnya, Dr Norraini Nordin berkata, ia merupakan usaha pihak berkenaan untuk membantu orang ramai terutamanya umat Islam untuk memahami, mengenali dan mengatasi masalah kesihatan berkaitan mental.

"Objektif kita adalah memberi kesedaran

berkaitan masalah mental dan sebenarnya ia bukan hanya fokus kepada mereka sahaja tetapi untuk diri kita juga. Adakah kita sudah bersedia untuk berada di situasi tersebut kelak?

"Pada hari ini, cabaran terbesar kita adalah untuk memastikan kesihatan mental anak-anak terjaga lebih-lebih lagi dalam dunia siber ini," katanya ketika berucap merasmikan Forum Masalah Kesihatan Mental: Takdir, Ujian atau Dosa? di sini pada Khamis.

Hadir sama Penasihat Kumpulan Karangkraf, Datuk Hussamuddin Yaacob; Presiden Murshid,

Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir; Penolong Pengarah Kanan Bahagian Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Nik Suhaila Nik Husin.

Norraini turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua peserta dan pihak yang terlibat menguruskan serta mengendalikan program berkenaan iaitu Multaqa Asatizah dan Du'at (Murshid) serta Kumpulan Karangkraf.

Program itu merupakan anjuran bersama MAIS; Murshid; JAIS; Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) dan Soul Fitness.

SINAR HARIAN

Tarikh: 11 OCT 2024

Sembilan projek sakit tebatan banjir di Selangor

SHAH ALAM – Sebanyak sembilan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Selangor dikenal pasti sebagai projek sakit yang perlu segera diselesaikan menjelang musim tengkujuh yang bakal melanda negeri ini kelak.

Projek itu meliputi beberapa isu kritikal termasuk melibatkan RTB Batu 7, Ijok, Kuala Selangor yang mengalami ban pecah hingga banjir teruk minggu lalu.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izham Hashim berkata, kerajaan negeri mempunyai sebanyak 41 RTB dengan peruntukkan kos bernilai RM482 juta.

Menurut beliau, projek itu sebahagiannya sedang dilaksanakan dan dalam proses reka bentuk oleh pihak syarikat kontraktor yang dilantik.

“Namun, kita mendapati sembilan daripada RTB itu bermasalah dan dikategorikan sebagai projek sakit antaranya kerana masih tidak disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

“Projek itu melibatkan RTB di Sungai Buloh, Ijok, Sungai Kayu Ara dan anak sungainya, Sijangkang, Sungai Kandis, Sungai Kembong, Taman Mutiara Bukit Raja serta Sungai Pinang,” katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini semalam.

Izham menjelaskan, pihak-



IZHAM

nya juga telah memohon kerajaan Persekutuan menamatkan pelantikan kontraktor bagi tiga daripada projek tersebut.

“Sebagai contoh di Ijok, berlaku isu ban pecah hingga mengakibatkan banjir biarpun kita sudah memberi teguran sebelum ini.

“Justeru, kita meminta kerajaan pusat mengambil tindakan segera dengan menyenarai hitamkan pihak terlibat dan melantik kontraktor baharu,” ujarnya.

Dalam pada itu, kata beliau, kerajaan Persekutuan telah meluluskan lima projek tebatan banjir berimpak tinggi dengan kos bernilai RM2.25 bilion di Selangor.

KOSMO

Tarikh: 11 OCT 2024

Kerajaan mahu pastikan rakyat kurang mampu dapat miliki kediaman sendiri

Dasar pinjaman perumahan diteliti

Oleh MUHAMMAD NAJIB AHMAD FUAD *Kosmo 11/10*

PUTRAJAYA – Cadangan Dasar Perumahan Negara termasuk meneliti pemberian pinjaman perumahan berjangka masa panjang bakal dibincang melibatkan Kementerian Kewangan (MOF) bersama Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, perkara berkenaan antara yang dipersetujui pada Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bilangan 3 bagi tahun 2024 semalam.

Katanya, ia bagi memastikan individu dan isi rumah yang kurang berkemampuan mampu memiliki rumah tanpa berasa terbeban dengan kenaikan harga rumah yang semakin meningkat lebih-lebih lagi pembiayaan pinjaman perumahan berjangka masa panjang.

"Mesyuarat telah membincangkan nisbah hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) meningkat dari 67.2 peratus pada 2002 kepada 81.2 peratus pada 2022.

"Sektor hartanah kediaman



AHMAD ZAHID (tengah) ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bilangan 3 bagi tahun 2024 di Putrajaya semalam.

kini mendominasi pinjaman sektor isi rumah dengan kredit perumahan meningkat daripada 36 peratus pada 1997 kepada 59.7 peratus pada tahun 2022," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, pada mesyuarat itu, Jabatan Perangkaan Malaysia

(DOSM) turut membentangkan status Indikator Kos Sara Hidup 2023 yang dibangunkan untuk memberikan gambaran tentang jumlah perbelanjaan diperlukan oleh isi rumah untuk memenuhi keperluan kehidupan wajar termasuk kemampuan penyertaan dalam masyarakat.

Ujarnya, indikator ini akan dilancarkan oleh Perdana Menteri,

Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 November ini.

"Indikator baharu ini dijangka memberikan nilai tambah kepada penggubalan dasar kerajaan berkaitan kos sara hidup termasuk pelaksanaan pemberian bantuan terutama kepada golongan sasar," jelasnya.

Mesyuarat juga katanya, telah membincangkan pelaksanaan

ciri pembayaran bersama untuk produk Insurans dan Takaful Perubatan serta Kesihatan (MHIT) yang dibentangkan oleh Bank Negara.

Pengerusi NACCOL itu berkata, mesyuarat dimaklumkan pelaksanaan pembayaran bersama mampu memberi pilihan yang pelbagai kepada pengguna di samping persaingan yang sihat antara syarikat insurans atau takaful dalam menawarkan produk yang bersesuaian dengan kedudukan kewangan pemegang polisi atau pengguna.

"Menurut BNM, ciri pembayaran bersama mampu memberi penawaran harga 19 hingga 68 peratus lebih murah berbanding dengan produk yang tidak mempunyai ciri pembayaran bersama menunjukkan keseimbangan yang baik terhadap penawaran dan permintaan bagi sektor perubatan dan kesihatan dalam negara," katanya.

Tambahnya, mesyuarat turut berbincang berkenaan pelaksanaan dua ciri pembayaran bersama yang merangkumi deduktibel dan insurans atau takaful bersama, di mana ia mampu mewujudkan ekosistem kesihatan yang kondusif dan mampan melalui ketelusan bil perubatan dan pemegang polisi serta pengguna.

KOSMO

Tarikh: **11 OCT 2024**

Sistem amaran banjir akan ditambah baik

Putrajaya: Sistem amaran banjir terutamanya bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) akan ditambah baik dengan sistem pintasan kecemasan bagi memberi amaran menerusi pesanan tettingkap timbul (*pop-up alert*) yang dihantar ke telefon pintar.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil berkata, beberapa negara sudah melaksanakan sistem pemakluman bencana menerusi sistem pintasan kecemasan ke telefon pintar dan tidak lagi bergantung pada sistem pesanan ringkas (SMS) atau siren semata-mata.

"Saya akan bincang dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) apa yang boleh dilakukan dengan syarikat telekomunikasi untuk membantu Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

"Ini untuk memaklumkan rakyat terutama di sesuatu kawasan, selain daripada amaran siren banjir, mungkin melalui te-



HM
4/10

Ini untuk memaklumkan rakyat terutama di sesuatu kawasan, selain daripada amaran siren banjir, mungkin melalui telefon mereka"

Fahmi Fadzil

lefon mereka juga boleh mendapatkan maklumat terkini. Kita akan teliti kemudahan itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Perhimpunan Bulanan Kementerian Komunikasi, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Teo Nie Ching, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi Datuk Mohamad Fauzi Md Isa, Pengarah Urusan MCMC Datuk Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus, Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Nur-ul Afida Kamaludin dan Ketua Pengarang Bernama Arul Rajoo Durar Raj.

HARIAN METRO
Tarikh:11 OCT...2024

Kuala Lumpur: Belanja-
wan 2025 yang akan di-
bentangkan 18 Oktober ini
dijangka menjadi belanja-
wan mesra pengguna, me-
ngandungi langkah sepe-
rti bantuan tunai, bonus
kepada penjawat awam
dan pelepasan cukai pen-
dapatan bagi memberikan
sokongan kepada perbe-
lajaan pengguna.

RHB Investment Bank
dalam satu nota penye-
lidikan berkata, perbe-
lajaan pengguna akan
disokong oleh pasaran

Belanjawan 2025 dijangka mesra pengguna

pekerjaan yang stabil dan
sokongan berterusan ke-
rajaan dalam bentuk
bantuan tunai dan sub-
sidi.

"Sementara itu, kami
menantikan butiran se-
lanjutnya mengenai pe-
laksanaan rasionalisasi
subsidi petrol dan sama
ada kerajaan bercadang
untuk memperkenalkan
semula Cukai Barang dan
Perkhidmatan (GST).

"Dengan kenaikan kali
terakhir masing-masing
dibuat pada 2014 dan 2016,
mungkin duti eksais bagi
rokok dan arak dinaikkan
juga tidak boleh diketepi-
kan," katanya dalam no-
ta yang disediakan oleh
penganalisis, Soong Wei
Siang dan Tai Yu Jie.

Bank pelaburan berke-
naan berkata, pendedahan
oleh Menteri Kesihatan,
Datuk Seri Dr Dzulkefly

Ahmad baru-baru ini ber-
hubung rancangan untuk
mengurangkan penggu-
naan gula di Malaysia juga
bermakna kenaikan cukai
gula terhadap produk se-
dia ada, selain memper-
luaskan skop untuk me-
rangkumi lebih banyak
produk.

"Ia boleh memberikan
kesan kepada Power Root,
manakala syarikat seperti
Farm Fresh dan Nestle

Malaysia akan terkesan ji-
ka skop diperluaskan ke-
pada minuman berasas-
kan tenusu ataupun ais-
krim," katanya.

Dalam pada itu, RHB In-
vestment Bank berkata,
syarikat pengguna terus
berhadapan dengan sen-
timen pengguna kurang
memberangsangkan kera-
na yang terkesan inflasi
berhati-hati dengan per-
belanjaan.

HARIAN METRO
Tarikh: 11 OCT 2024



FSGMAM minta KKM menangguhkan pelaksanaan larangan pameran produk merokok.

PELAKSANAAN AKTA 852

'Pasang penutup kabinet pameran tak mahal'

Putrajaya: Dakwaan sege-lintir pihak kononnya pelaksanaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) memberi tekanan kewangan yang besar kepada peniaga kecil disifatkan tidak munasabah.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, dakwaan kononnya peniaga kecil perlu membelanjakan sejumlah wang untuk menaik taraf kabinet pameran produk rokok adalah tidak tepat.

"Sejujurnya ia menyen-tuh imaginasi saya kerana apa yang perlu dibuat ha-

nya memasang penutup kabinet pameran dan mematuhi peraturan yang ditetapkan (dalam Akta 852).

"Saya tak rasa untuk pasang penutup memakan kos sehingga RM6,000, mungkin sekitar beberapa ratus ringgit sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2024 peringkat Kebang-

saan, di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan Persekutuan Persatuan-Persatuan Peniaga-Peniaga Barang-Barang Runcit Malaysia (FSGMAM) meminta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menangguhkan pelaksanaan larangan pameran produk merokok di bawah Akta 852.

Presidennya Hong Chee Meng dipe-tik mendakwa larangan itu dilaksanakan tergesa-gesa tanpa se-

barang perundingan dengan peruncit mengenai tempoh pematuhan.

Dakwanya, langkah itu membebankan perniagaan kecil tanpa sebarang pertimbangan kerana anggaran menunjukkan bahawa setiap peruncit mungkin menanggung kos sehingga RM6,000 untuk mematuhi larangan pameran.

Mengenai tempoh enam bulan penguatkuasaan Akta 852 membabitkan pameran produk yang dikatakan terlalu singkat, Dr Dzulkefly berkata, tempoh itu adalah untuk penguatkuasaan bersifat pendidikan.

**Hong Chee Meng
dakwa larangan itu
dilaksanakan
tergesa-gesa**

Rumah mampu milik Selangor dikecuali caj pemajuan

Kerajaan Selangor mengumumkan pengecualian caj pemajuan untuk projek perumahan mampu milik, Idaman dan Harapan bermula Januari tahun depan.

EXCO Perumahan dan Kebudayaan Selangor, Datuk Borhan Aman Shah, berkata cadangan pengecualian itu sudah dibawa ke mesyuarat EXCO negeri kelmarin dan sudah diluluskan.

Katanya, perincian lebih lanjut mengenai pengecualian caj itu akan diumumkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari ketika pembentangan belanjawan negeri itu bulan depan.

"Dengan pengecualian ini, kita berharap ia dapat menggalakkan pemaju untuk membina lebih banyak rumah mampu milik di Selangor selaras dengan sasaran kita untuk membina 200,000 rumah pada 2027.

"Pengecualian ini akan berkuat kuasa bermula Januari 2025 dan tiada tempoh ditetapkan berapa lama ia akan dilaksanakan. Ia juga terpakai hanya untuk projek perumahan mampu milik, Idaman dan Harapan. Projek lain masih dikenakan caj pemajuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan Konvensyen Perumahan REHDA Selangor 2024 di Shah Alam, semalam.

Yang turut hadir, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Selangor, Datuk Ng Suee Lim; Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA), Datuk Ho Hon Sang dan Pengerusi REHDA Selangor, Datuk Zaini Yusoff.

Dalam pada itu, Borhan turut berharap negeri Selangor akan menerima peruntukan lebih tinggi dalam Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan pada 18 Oktober ini.

"Seperti kita tahu, Selangor adalah penyumbang paling tinggi kepada ekonomi negara, maka kalau diibaratkan seperti 'kek', Selangor perlu diberikan lebih.

"Antara perkara yang memabitkan kos paling tinggi ialah penyelesaian banjir menerusi pembinaan tebatan di Selangor, selain pembangunan infrastruktur untuk masyarakat terpinggir di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Zaini berkata langkah kerajaan Selangor memberi pengecualian caj pemajuan sememangnya dapat membantu pemaju menikmati sedikit penjimatan.

"Buat masa ini, saya tidak dapat berikan jumlah penjimatan yang akan dinikmati pemaju kerana ia bergantung kepada kiraan oleh pihak berkuasa tempatan kerana memabitkan jumlah unit projek dan sebagainya," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 11 OCT 2024

Strategi basmi kemiskinan perlu ambil kira teknanan hidup M40

- Tumpuan kerajaan basmi kemiskinan golongan B40 adalah penting, tetapi langkah lebih inklusif perlu turut diambil untuk memastikan M40 terutama di bandar, menerima sokongan secukupnya

- Subsidi tambahan atau insentif bagi pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan perlu disediakan bagi membantu meringankan beban kewangan golongan M40



Pensyarah Kanan,
Sekolah Perniagaan
& Ekonomi,
Universiti Putra
Malaysia

Oleh Dr Taha Mohd Omar
bhrencana@bh.com.my

Dalam usaha Malaysia membasmi kemiskinan, kerajaan memperkenalkan beberapa strategi baharu dirangka untuk memberi tumpuan kepada golongan paling memerlukan. Fokus utama adalah kepada golongan B40, yang sering menghadapi kesukaran akibat ketidakseimbangan ekonomi ketara.

Langkah ini termasuk mengenal pasti kumpulan sasar yang layak menerima bantuan, menyelaraskan program pada peringkat pusat, meningkatkan pembangunan infrastruktur luar bandar, memperbaiki pendidikan dan kemahiran serta bekerjasama dengan sektor awam dan swasta.

Strategi ini diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam komitmennya untuk membasmi kemiskinan secara menyeluruh dan sistematik.

Usaha ini sangat bertepatan dengan keadaan semasa yang mana golongan B40 sering menghadapi ketidakstabilan ekonomi serius. Menurut laporan Bank Dunia, jurang antara golongan kaya dan miskin di Malaysia semakin ketara, dengan B40 mewakili kira-kira 40 peratus daripada jumlah penduduk paling terkesan akibat ketidakseimbangan ini.

Golongan ini sering mengalami kesulitan dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan, pendidikan dan perumahan. Oleh itu, langkah dirancang kerajaan amat penting dalam usaha mengurangkan kemiskinan dan memperbaiki taraf hidup golongan terpinggir serta rentan.

Namun, dalam usaha kerajaan mahu membasmi kemiskinan, terdapat keimbangan golongan M40, terutama di kawasan bandar, mungkin kurang mendapat manfaat daripada dasar ini. Walaupun golongan M40 tidak berada dalam kategori berpendapatan rendah seperti B40, mereka juga berhadapan tekanan kewangan serius disebabkan kos hidup semakin meningkat di bandar besar.

Di Malaysia, golongan M40 merangkumi kira-kira 40 peratus daripada populasi dan statistik menunjukkan lebih daripada 30 peratus golongan ini hidup di bandar, berhadapan dengan cabaran kewangan ketara, menjadikan mereka 'miskin bandar' walaupun berada dalam kategori pendapatan sederhana.

Kos sara hidup di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Menurut Jabatan Perangkaan, perbelanjaan isi rumah di kawasan bandar lebih tinggi berbanding luar bandar dengan perumahan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan penjagaan anak menjadi komponen utama menekan kewangan keluarga M40.

Di sesetengah bandar, kos perumahan sahaja boleh mencapai 40 peratus daripada pendapatan bulanan keluarga M40. Ini bermakna, walaupun pendapatan mereka dikategorikan sebagai sederhana, mereka masih berhadapan tekanan ekonomi hampir sama dengan golongan B40 dalam memenuhi keperluan asas.

Akibat kos tinggi ini, ramai dalam kalangan

M40 mengalami kesukaran menyimpan wang atau melabur dalam pendidikan serta perumahan lebih baik untuk keluarga mereka. Dalam konteks ini, tumpuan kerajaan terhadap B40 adalah penting, tetapi langkah yang lebih inklusif perlu diambil untuk memastikan M40 juga menerima sokongan secukupnya.

Perluaskan kelayakan bantuan

Oleh itu, kerajaan perlu mempertimbangkan untuk membabitkan golongan M40 dalam pelaksanaan strategi pembasmian kemiskinan. Salah satu langkah boleh diambil ialah memperluas kelayakan bantuan dengan mengambil kira kos sara hidup di bandar. Pendapatan dianggap mencukupi di luar bandar mungkin tidak mencukupi menampung kos kehidupan golongan M40 di bandar besar.

Sebagai contoh, satu kajian Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) menunjukkan golongan M40 di bandar besar memerlukan sekurang-kurangnya 20 peratus lebih banyak pendapatan berbanding di luar bandar untuk mengekalkan kualiti hidup sama. Oleh itu, subsidi tambahan atau insentif bagi pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan boleh membantu meringankan beban kewangan golongan M40.

Pada masa sama, skim perumahan mampu milik lebih menyeluruh untuk golongan M40 di bandar besar juga perlu diperkenalkan. Langkah ini bukan sahaja akan membantu mengurangkan kos sara hidup golongan M40, tetapi memberi mereka peluang menstabilkan ekonomi keluarga

tanpa perlu bergantung pinjaman atau hutang tidak perlu.

Selain itu, kerajaan boleh memperkenalkan skim perumahan sewa-beli membolehkan golongan M40 memiliki rumah secara beransur-ansur dengan kadar faedah lebih rendah. Tambahan lagi, pendidikan dan latihan kemahiran perlu diperluas untuk golongan M40.

Walaupun penambahbaikan pendidikan adalah fokus utama untuk B40, golongan ini juga memerlukan sokongan untuk terus maju dalam ekonomi semakin kompetitif. Akses kepada pendidikan lebih mampu milik dan latihan vokasional relevan boleh meningkatkan kebolehpasaran dan mobiliti sosial mereka.

Sebagai contoh, kerajaan boleh memperkenalkan insentif pendidikan seperti pembiayaan khas atau pengecualian cukai untuk pendidikan tinggi anak golongan M40. Langkah ini bukan sahaja akan meningkatkan peluang pendidikan bagi keluarga M40, tetapi membantu mengurangkan beban kewangan mereka.

Sementara itu, kerjasama antara sektor awam dan swasta juga wajar difikirkan bagi membantu golongan M40. Sebagai contoh, sektor swasta boleh memainkan peranan lebih besar menyediakan peluang pekerjaan dan latihan vokasional berkaitan, selain menyokong program perumahan mampu milik.

Tanggungjawab sosial korporat (CSR) boleh diselaraskan untuk memastikan golongan M40 mendapat manfaat sama dalam usaha kerajaan meningkatkan kesejahteraan ekonomi. Beberapa syarikat besar di Malaysia mula melaksanakan program CSR menyokong golongan B40, dan konsep ini boleh diperluas untuk golongan M40 terjejas.

Apa yang penting, kerajaan perlu memastikan pendekatan lebih inklusif diambil, terutama bagi golongan M40 tinggal di bandar besar dan berhadapan dengan kos sara hidup tinggi.

Menerusi pendekatan benar-benar menyeluruh, pembasmian kemiskinan dapat dicapai dengan lebih berkesan, memastikan tiada golongan tercicir dalam usaha kerajaan meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi negara.

“ Kerajaan perlu memastikan pendekatan lebih inklusif diambil, terutama bagi golongan M40 tinggal di bandar besar dan berhadapan dengan kos sara hidup tinggi ”



Suasana kondusif, harmoni elak pekerja alami tekanan mental



Felo Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS), Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM)

Oleh Khairul Azhar Idris
bhrencana@bh.com.my

11/10 2/4

Pada 10 Oktober setiap tahun, dunia menyambut Hari Kesihatan Mental Sedunia sebagai usaha global meningkatkan kesedaran dan runding cara kepentingan kesihatan mental untuk semua.

Tema dipilih pada tahun ini, 'Sudah Tiba Masanya Mengutamakan Kesihatan Mental di Tempat Kerja', sebenarnya adalah cerminan terhadap keperluan mendesak untuk memberi perhatian khusus kepada kesejahteraan mental dalam persekitaran tempat kerja.

Peningkatan tekanan dan tuntutan kerja terutama pada fasa pasca-pandemik COVID-19, kesejahteraan mental di tempat kerja semakin menjadi isu penting perlu menjadi keutamaan di tempat kerja.

Kesihatan mental di tempat kerja memainkan peranan kritikal kerana ia menentukan corak dan tahap produktiviti, kepuasan kerja dan kesejahteraan pekerja. Gangguan mental lain seperti kebingungan, tekanan dan keletihan mental juga menyumbang kepada penurunan produktiviti serta peningkatan ketidakhadiran kerja.

Oleh itu, mewujudkan persekitaran kerja menyokong kesihatan mental adalah penting untuk memastikan keberkesanan dan kesejahteraan pekerja lebih-lebih lagi apabila senario isu ini mendapati trend menjulang membimbangkan semua pihak.

Berkaitan perkara ini, terdapat peningkatan lima kali ganda dalam bilangan individu menda-

patkan sokongan psikososial melalui Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MH-PSS) pada 2022 berbanding 2020.

Statistik Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 turut menunjukkan satu pertiga rakyat berumur 16 tahun ke atas berdepan masalah mental dan angka ini dijangka terus meningkat.

Isu kesihatan mental turut dikaitkan dengan peningkatan tingkah laku bunuh diri, terdapat peningkatan 81 peratus kes bunuh diri pada 2021 berbanding sebelumnya.

Fakta juga mendapati terdapat pelbagai faktor mempengaruhi kesihatan mental di tempat kerja antaranya tekanan akibat tuntutan kerja berlebihan dan tidak seimbang, lalu menjejaskan kesihatan mental pekerja.

Wujud perasaan terasing

Kekurangan sistem sokongan sosial sama ada dari rakan sekerja dan pengurusan, mewujudkan perasaan terasing dan tidak dihargai, turut menyumbang masalah kesihatan mental.

Selain itu, tiada keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi yang akhirnya membawa kepada keletihan melampau serta berpanjangan menjejaskan kesejahteraan mental pekerja.

Kebimbangan terhadap masa depan pekerjaan juga menimbulkan tekanan kepada pekerja yang bukan sahaja mengganggu kesejahteraan tetapi menjejaskan produktiviti syarikat.

Kesedaran memelihara kesihatan mental di tempat kerja perlu dipertingkatkan dan dipromosikan bagi menjamin kesejahteraan semua pekerja dan

mendorong peningkatan produktiviti.

Terdapat beberapa langkah proaktif dalam organisasi dalam mengutamakan kesihatan mental pekerja termasuk mewujudkan budaya kerja menyokong dan inklusif. Ini boleh dicapai melalui komunikasi secara lebih terbuka, pihak pengurusan sudi memahami isu pekerja dan syarikat, serta menganjurkan program berkaitan kesihatan mental untuk semua pekerja.

Ini termasuk menyediakan latihan kesedaran kesihatan mental kepada pekerja dan pihak pengurusan dalam mengenali tanda awal masalah kesihatan mental serta cara mengatasinya bagi membantu mengurangkan stigma serta meningkatkan sokongan kesihatan mental dalam organisasi.

Menyediakan kemudahan waktu anjal dan fleksibiliti dalam jadual kerja atau peluang bekerja dari rumah (WFH) boleh membantu pekerja menguruskan tekanan serta keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi. Menyediakan akses kepada sokongan profesional seperti terapi dan kaunseling atau Program Bantuan Pekerja (EAP) adalah langkah penting membantu pekerja menghadapi cabaran kesihatan mental.

Islam mendorong budaya kerja berasaskan ukhuwah, pekerja saling membantu dan menyokong antara satu sama lain. Ini boleh mewujudkan persekitaran kerja lebih harmoni dan mengurangkan rasa terasing atau tekanan.

Dengan mewujudkan persekitaran kerja menyokong, menyediakan latihan serta mengambil pendekatan proaktif pengurusan kesihatan mental, organisasi boleh mencapai matlamat mewujudkan tempat kerja lebih sihat, selamat dan produktif.

BERITA HARIAN

Tarikh.....1.1.OCT.2024....

Perbetul fahaman serong naratif martabatkan bahasa Melayu

● Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegur sebahagian elit fobia terhadap bahasa Melayu, terlalu mengagungkan bahasa Inggeris serta terlalu ghairah dan obses terhadap penguasaan bahasa Inggeris dalam hidup

● Perdana Menteri menyeru kepada usaha bersama, termasuk sektor swasta memperkasa bahasa Melayu dalam kehidupan seharian, sambil terus mengiktiraf kepentingan bahasa Inggeris dalam konteks sesuai



Sasterawan Negara yang juga Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Oleh Datuk Dr Anwar Ridhwan
bhrencana@bh.com.my

Beberapa hari lalu, bekas Ahli Parlimen Bangi, Dr Ong Kian Ming, dilaporkan mengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana dikatakan membentangkan naratif negatif dan bukannya naratif positif berkenaan penggunaan bahasa Melayu.

Kian Ming dipetik sebagai berkata, "mereka menggunakan bahasa Inggeris dalam pelbagai kehidupan harian mungkin berbuat demikian atas sebab lain dan bukan kerana memperkecilkan penggunaan bahasa Melayu atau mereka

memperlekehkan penggunaan bahasa Melayu dalam tetapan rasmi".

Menurut bekas pemimpin DAP itu lagi, Anwar seharusnya memberikan naratif positif mengenai penggunaan bahasa Melayu, bukan menekankan perkara yang negatif kerana ini akan menggalakkan lebih ramai orang untuk menggunakan bahasa Melayu kerana ia adalah untuk manfaat mereka, bukan kerana paksaan.

Bagaimanapun, kritikan Kian Ming terhadap ucapan Anwar pada Majlis Perasmian Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Bersempena dengan Dekad Bahasa Kebangsaan (DBK) 2024 sebenarnya adalah tidak perlu kerana tidak berasas.

Sebagai seorang terpelajar mempunyai ijazah doktor falsafah (PhD), Kian Ming tidak boleh memberi komentar berdasarkan liputan media semata-mata, sebaliknya perlu mendengar keseluruhan ucapan dan memahami konteks penuh disampaikan Perdana Menteri.

Dalam ucapan itu, Perdana Menteri menegaskan betapa pentingnya penguasaan pelbagai bahasa utama dunia, termasuk bahasa Inggeris, Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa Arab tanpa mengtepatkan kedudukan utama bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Jelas dalam ucapan Anwar, penegasan mengenai kepentingan bahasa Inggeris antaranya ialah:

- "Saya antara menekankan keperluan penguasaan bahasa Inggeris dalam dunia mencabar".
- "Tidak ada negara kian meningkat maju akan menyisihkan mana-mana bahasa utama di dunia".
- "Tidak ada sesiapa dan saya tidak mewakili pendapat mahu mengurangkan penekanan atau meremehkan kepentingan bahasa Inggeris".

Kian Ming sebaliknya hanya menumpukan kepada satu bahagian dalam ucapan Anwar yang mana beliau menyebut mengenai "sikap sebahagian elit" terlalu taasub dengan bahasa Inggeris sehingga

meminggirkan bahasa Melayu.

Apa yang ditegur Anwar hanya sikap sebahagian elit mempunyai fobia terhadap bahasa Melayu, terlalu mengagungkan bahasa Inggeris serta terlalu ghairah dan obses terhadap penguasaan bahasa Inggeris dalam hidup.

Ini bukan serangan terhadap semua pengguna bahasa Inggeris seperti disangka Kian Ming, tetapi lebih kepada peringatan kita tidak seharusnya melupakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, walaupun ingin menguasai bahasa Inggeris dan bahasa lain.

Inilah disebutkan Anwar: "Mereka mungkin dibesarkan di London, tapi saya nak ingatkan mereka, hidup mereka di Malaysia dan mereka bertanggungjawab bukan dalam kalangan kelompok elit kecil, tapi mereka mesti mewakili hasrat dan aspirasi rakyat Malaysia keseluruhannya."

Tunjang identiti nasional dan perpaduan

Perdana Menteri menekankan memartabatkan bahasa Melayu tidak bermaksud mengtepatkan bahasa Inggeris, sebaliknya kedua-dua bahasa ini memainkan peranan penting dalam pembangunan negara.

Penguasaan bahasa Inggeris adalah perlu dalam konteks ekonomi dan komunikasi antarabangsa, manakala bahasa Melayu pula tunjang identiti nasional dan perpaduan.

Justeru, kerajaan menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sejak 1956 bagi membina dan mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ilmu pengetahuan dan penyatuan kaum negara ini.

Ini adalah satu kenyataan relevan dan tepat, terutama dalam konteks Malaysia pelbagai budaya dan bahasa. Anwar ingin mengingatkan penguasaan bahasa Melayu penting untuk memastikan perpaduan nasional, sementara penguasaan bahasa Ing-

“Perdana Menteri menekankan martabatkan bahasa Melayu tidak bermaksud mengtepatkan bahasa Inggeris, sebaliknya dua bahasa ini memainkan peranan penting dalam pembangunan negara”

geris penting untuk mencapai kejayaan dalam ekonomi dan bidang lain.

Sikap ditekan Anwar adalah untuk mencapai keseimbangan. Hendak maju, Malaysia tidak boleh menyisihkan mana-mana bahasa, tetapi pada masa sama, tidak boleh lupa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan kedudukannya dalam Perlembagaan tidak boleh dipertikai.

Bagi Anwar, cabaran utama perlu dihadapi adalah memastikan setiap rakyat Malaysia, tanpa mengira latar belakang kaum atau status sosial, dapat bersatu di bawah satu bahasa kebangsaan, sambil tidak mengtepatkan keperluan penguasaan bahasa lain.

Apa yang mungkin tidak difahami Kian Ming adalah Anwar tidak menafikan keperluan penguasaan bahasa Inggeris, tetapi beliau lebih menekankan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi harus terus diperkaskan.

Perdana Menteri menekankan ini bukan masalah bagi rakyat biasa, tetapi lebih kepada sebahagian kecil elit 'tercabut daripada akar tradisi, budaya, bangsa dan negara'.

Kritikan Kian Ming seolah-olah menuduh Perdana Menteri melabel pengguna bahasa Inggeris sebagai 'golongan elit' sebenarnya tidak tepat. Anwar tidak menyerang mereka yang menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan harian, terutama dalam sektor korporat, akademik atau perkhidmatan awam.

Anwar secara jelas menyatakan penguasaan pelbagai bahasa, termasuk bahasa Inggeris adalah satu aset. Apa yang dikritik Anwar adalah sikap golongan elit terlalu taasub dengan bahasa Inggeris sehingga memandang rendah penggunaan bahasa Melayu.

Kian Ming juga memetik beberapa contoh bahasa Inggeris digunakan secara meluas dalam mesyuarat syarikat tersenarai dan persidangan akademik, namun Anwar tidak pernah mencadangkan bahasa Melayu digunakan dalam semua situasi ini.

Sebaliknya, Perdana Menteri menyeru kepada usaha bersama, termasuk sektor swasta untuk memperkasa bahasa Melayu dalam kehidupan seharian, sambil terus mengiktiraf kepentingan bahasa Inggeris dalam konteks sesuai.

Secara ringkas, kritikan Kian Ming terhadap ucapan Anwar tidak berasaskan kepada pemahaman penuh mengenai konteks ucapan berkenaan.

Anwar bukan sahaja mengiktiraf kepentingan penguasaan bahasa Inggeris, tetapi juga menekankan bahasa Melayu perlu diperkaskan sebagai bahasa kebangsaan menghubungkan semua rakyat Malaysia.

Ini bukan soal pemaksaan, tetapi tanggungjawab bersama untuk memastikan perpaduan nasional dan pembangunan budaya berteraskan identiti sebagai rakyat Malaysia.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

BERITA HARIAN
Tarikh... 11 OCT 2024

Selangor kenal pasti sembilan projek sakit tebatan banjir

Oleh ISKANDAR
SHAH KOHAMED
utusannews@medianesia.com.my

UM
4/10

SHAH ALAM: Sebanyak sembilan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Selangor dikenal pasti sebagai projek sakit yang perlu segera diselesaikan menjelang musim tengkujuh bakal melanda negeri ini.

Projek itu meliputi beberapa isu kritikal termasuk melibatkan RTB Batu 7, Ijok, Kuala Selangor yang mengalami banjir pecah hingga banjir teruk minggu lalu.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izhah Hashim berkata, kerajaan negeri mempunyai sebanyak 41 RTB dengan peruntukkan kos bernilai RM482 juta.

Jelas beliau, projek itu sebahagiannya sedang dilaksanakan dan dalam proses reka bentuk oleh pihak syarikat kontraktor yang dilantik.

"Namun, kita mendapati sembilan daripada RTB itu bermasalah dan dikategorikan sebagai projek sakit antaranya kerana masih tidak disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

"Projek itu melibatkan RTB



IZHAM Hashim menunjukkan pelan projek tebatan banjir pada sidang akhbar di pejabatnya di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam semalam. - UTUSAN/ISKANDAR SHAH MOHAMED

di Sungai Buloh, Ijok, Sungai Kayu Ara dan anak sungainya, Sijangkang, Sungai Kandis, Sun-

gai Kembong, Taman Mutiara Bukit Raja serta Sungai Pinang," katanya pada sidang akhbar di

pejabatnya di sini semalam.

Tegas Izhah, pihaknya turut telah memohon kerajaan Perse-

kutuan menamatkan pelantikan kontraktor bagi tiga daripada projek tersebut.

"Sebagai contoh di Ijok, berlaku isu banjir pecah hingga mengakibatkan banjir biarpun kita sudah memberi teguran sebelum ini.

"Justeru, kita meminta kerajaan Pusat mengambil tindakan segera dengan menyenarai hitamkan pihak terlibat dan melantik kontraktor baharu," ujarnya.

Dalam pada itu, kata beliau, kerajaan Persekutuan telah meluluskan lima projek tebatan banjir berimpak tinggi dengan kos bernilai RM2.25 bilion di Selangor.

"Projek yang dalam proses penyediaan pelan dan reka bentuk terperinci itu antaranya melibatkan Sungai Kapar, Sungai Langat, Taman Sri Muda dan Sungai Damansara," katanya.

Tambah Izhah, pihaknya juga menemui semua agensi terlibat termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan pengurusan atau persediaan menghadapi banjir dan perkara itu akan diumumkan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari dalam tempoh terdekat.

UTUSAN, MALAYSIA
Tarikh: 11 OCT 2024

Malaysia mampu jadi peneraju tindakan iklim ke arah karbon sifar bersih

UM
11/7

KUALA LUMPUR: Malaysia mampu menjadi peneraju dalam tindakan iklim ke arah karbon sifar bersih, dengan menggabungkan dasar kukuh serta kekayaan sumber asli yang memberikan negara kelebihan kompetitif berbanding negara lain.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, pihaknya menasaskan untuk menandatangani beberapa memorandum persefahaman (MoU) tahun ini untuk memudahkan aktiviti pemerangkapan dan penyimpanan karbon (CCS) rentas sem-

padan.

Jelas beliau, kerajaan juga bakal membentangkan rang undang-undang pemerangkapan, penyimpanan dan penggunaan karbon (CCUS) di parlimen bulan depan, yang telah menjadi penanda aras kepada beberapa negara dengan piawaian diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Kepelbagaian biologi memberi kita kelebihan daya saing semula jadi, contohnya iklim yang cerah telah mendorong Malaysia menjadi pengeluar

panel solar ketiga terbesar di dunia, manakala kedudukan sebagai pengeluar minyak sawit kedua terbesar memudahkan kita menerima biojisim sebagai sumber bahan api alternatif.

"Cita-cita supaya Malaysia menjadi peneraju iklim serantau sebenarnya berada dalam jangkauan. Kekuatan sedia ada, disokong dasar kukuh bermakna kita boleh bersaing sehingga di luar kemampuan kita.

"Malah, negara lain semakin menyedari hal ini. Dalam penglibatan saya di Mesyuarat Menteri

untuk Komuniti Ekonomi Sifar Asia, terdapat permintaan sebenar daripada Jepun dan Korea Selatan, malah Singapura supaya Malaysia menjadi peneraju dalam hal ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia (IGEM) di sini, semalam.

Dalam pada itu, Rafizi berkata, pada masa sama, konteks perjalanan Malaysia ke arah sifar bersih perlu diperjelaskan sebaiknya dan sejak tahun 1750,

Malaysia hanya menyumbang 0.37 peratus daripada pelepasan karbon dioksida.

"Pada masa sama, pentadbiran ini enggan mengabaikan tanggungjawab global, sebaliknya mengiktiraf bukan sekadar dorongan sosial, malah keperluan untuk memperlihatkan kepimpinan serantau.

"Bagi kami, ini adalah mengenai melaksanakan langkah-langkah yang bernas yang menjamin masa depan mampan untuk rakyat Asia Tenggara," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:1..1..OCT...2024..

Bantuan tunai, persekolahan bantu ringankan beban rakyat

UM
11/10



Oleh HENDRA WINARNO
hendrawinarno@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan terus komited dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui pelbagai inisiatif bantuan tunai seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan bantuan persekolahan.

Langkah-langkah ini dilihat penting dalam meringankan beban kewangan, terutamanya golongan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40), sekali gus memastikan setiap rakyat mendapat akses kepada keperluan asas dengan lebih mudah dan teratur.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Madani sememangnya telah memberi kesan positif kepada ramai rakyat memerlukan.

"Tidak dinafikan ia membantu meringankan beban kewangan rakyat yang terkesan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat. Ia bukan sahaja menyokong keperluan asas, tetapi



**AIMI ZULHAZMI
ABDUL RASHID**

juga memastikan golongan yang memerlukan terus mendapat sokongan sewajarnya.

"Kerajaan Madani lebih fokus kepada memastikan bantuan ini disalurkan dengan lebih tepat, praktikal, dan cekap, serta melibatkan lebih ramai penerima," katanya kepada Utusan Malaysia.

Sebelum ini, kerajaan telah membuat penambahbaikan untuk program SARA 2024, termasuk memperluas kelayakan penerima kepada golongan miskin dan miskin tegar, berbanding tahun sebelumnya yang hanya tertumpu kepada golongan miskin tegar.

Kadar bantuan untuk isi rumah juga dinaikkan kepada RM1,200, manakala bantuan untuk golongan bujang kekal pada RM600.



NURHAYANI WASIL

Selain itu, penggunaan kredit program SARA diperluas untuk membeli barang keperluan seperti barangan kebersihan diri, ubat-ubatan, dan peralatan sekolah, di samping makanan asas.

Dengan perubahan itu, program SARA 2024 diluaskan kepada lebih 700,000 penerima, berbanding hanya 210,000 pada tahun sebelumnya. Penerima layak boleh menggunakan myKAD mereka untuk membeli barangan keperluan asas di kedai-kedai berdaftar.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga telah mengumumkan peruntukan STR ditingkatkan kepada RM10 bilion daripada RM8 bilion yang diperuntukkan pada



MUHAMMAD IZZUDDIN ROSLI

2023, sekali gus memanfaatkan penerima meliputi hampir 60 peratus penduduk dewasa Malaysia.

Selain itu, Bantuan Awal Persekolahan pula sebanyak RM150 secara one-off kepada semua murid untuk meringankan beban ibu bapa dalam menyediakan keperluan sekolah.

Membuktikan keberkesanan insentif kerajaan menerusi Belanjawan 2024 itu, seorang penerima bantuan STR, Nurhayani Wasil menyatakan rasa syukurnya kerana bantuan STR yang diterima sangat membantu meringankan beban kos sara hidup beliau tanpa terlalu terbeban dengan kenaikan harga barang.

"Sebagai suri rumah yang

bergantung pada satu punca pendapatan, saya sering risau tentang perbelanjaan harian. Namun, dengan adanya bantuan seperti STR dan Program Jualan RAHMAH MADANI, saya merasa lebih tenang.

"Bantuan persekolahan juga sangat membantu dalam memenuhi keperluan sekolah anak-anak dan berharap Belanjawan 2025 menyediakan lebih banyak bantuan kepada rakyat yang memerlukan seperti saya," katanya.

Bagi pekerja swasta, Muhammad Izzuddin Rosli pula menyatakan sebagai golongan belia, pelajar universiti, dan graduan baharu yang baru memulakan kerjaya, inisiatif kerajaan bantuan tunai itu amat dialu-alukan dan disambut hangat oleh rakyat.

"Langkah-langkah ini bukan sahaja membantu kami menguruskan perbelanjaan harian dengan lebih baik, tetapi juga memberikan sokongan kewangan yang diperlukan dalam fasa peralihan ke dunia pekerjaan.

"Sebagai graduan yang baru menapak dalam alam pekerjaan, kos sara hidup yang tinggi boleh menjadi beban, dan bantuan ini membantu meringankan tekanan kewangan, membolehkan kami memberi tumpuan kepada kerjaya dan pembangunan diri dengan lebih yakin," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 11 OCT 2024

Great buildings, poor maintenance

The scale of our apathy
is shocking

THE poor maintenance and disrepair of public buildings, infrastructure and amenities is exasperating. With the exception of certain buildings, Malaysia's monuments have been crumbling. Here are examples: Dataran Klang underwent a RM2.5 million refurbishment in 2021, but its maintenance was forgotten. Uprooted trees in Kuala Lumpur continue to be endemic. Some falling trees have killed people, but this hasn't stirred the authorities into doing a better job to prune them. Also, the poor upkeep of government complexes, hospitals, shophots, markets, schools and public parks is glaring. In Kapung Bundung in Tamparuli, Sabah, a rusty suspension bridge is about to collapse. The local council hasn't done much to fix it.

However, Merdeka Stadium, once neglected, was given a makeover and lovingly restored to its original 1957 glory, a tribute

Malaysian maintenance culture is usually knee-jerk, triggering action only after the authorities respond to complaints and tragedies.

to its political history. The stadium and its adjacent cousin, Stadium Negara, are the exceptions. Malaysian maintenance culture is usually knee-jerk, triggering action only after the authorities respond to complaints and tragedies. Why the disheartening culture?

Oftentimes, it's down to ineffectual and disorganised inventory systems and checks. For example, a local council contractor was required to clean drains three times a month, except that the timetable is ignored, worsened when the manager is unaware of its cleaning schedule. Sometimes, the lapse is due to design quirks that make maintenance tricky, arising from unsuitable equipment, components and design specifications. Since most neglected amenities are government owned and funded, bad maintenance is compounded by a meagre budget allocation for something as simple as hiring cleaners to do their jobs properly. Realistically, Malaysians fall into a shining category of event launch warriors, excelling in their promotion, campaign and celebration. Once concluded, preserving the environment, saving energy and water, and separating refuse into recyclables and perishables are consigned to psychological storage, only to be reheated for the next celebratory cause.

NEW STRAITS TIME
Tarikh: 11 OCT 2024